

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA PROFESOR DATUK TS. DR.
HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**

NAIB CANSELOR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SEMPENA

MAJLIS SANJUNGAN BUDI

TUAN HAJI MAZLAN HASHIM

BENDAHARI, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

27 JANUARI 2023 | JUMAAT

BANGUNAN CANSELERI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Assalamualaikum dan Salam sejahtera,

[SALUTASI]

- **Yang Berusaha Barisan ahli MEU**
- **Yang diraikan, Tuan Haji Mazlan Hashim**
Bendahari UiTM; serta
- **Para hadirin yang dikasihi sekalian.**

1. Marilah kita memanjatkan kesyukuran kepada Yang Maha Esa kerana dengan limpah izin-Nya, kita dapat berkumpul di dalam Majlis Sanjungan Budi yang akan menjadi satu lagi sejarah untuk UiTM dan warkah kenangan bagi yang diraikan hari ini iaitu Tuan Haji Mazlan Hashim, Bendahari UiTM yang akan bersara wajib pada 8 Februari 2023.

2. Saya dan semua warga UiTM sesungguhnya amat terhutang budi kepada Tuan Haji, di atas segala sumbangan dan khidmat bakti yang telah dicurahkan kepada Universiti sepanjang perkhidmatan selama 34 tahun, 9 bulan dan, 2 hari, bermula pada 18 April 1988 sehingga 7 Februari 2023.

3. Seperti mana yang kita tahu, dalam suasana ekonomi yang tidak menentu, sebagai Bendahari, beliau berusaha keras bagi memastikan kelestarian kewangan sentiasa mencukupi, tanpa menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran di Universiti.

4. Siapa yang tidak kenal Tuan Haji Mazlan, yang cukup sinonim dengan "RM". Tanpa perancangan yang sempurna, tanpa perundingan yang baik, pengurusan peruntukan dana atau duit sudah pasti akan terjejas. Dan ini akan mengganggu kelancaran operasi Universiti.

Hadirin sekalian,

5. Setelah melalui pelbagai tahap kepimpinan, beliau ternyata cekal, sabar dan berjaya menghadapi pelbagai cabaran serta dugaan dalam pengurusan kewangan Universiti. Hanya mereka yang pernah melalui fasa-fasa tertentu sahaja yang merasai dan memahami, bahawa bukan mudah untuk menjadi Ketua atau pemimpin bagi sesebuah Jabatan, terutamanya yang melibatkan semua organisasi iaitu Pengurusan Kewangan.

6. Untuk pengetahuan semua, Bendahari kita ini telah berjaya membawa kepada pencapaian Audit Bersih sebanyak 22 kali berturut-turut sejak tahun 2000 lagi. Tahniah dan terima kasih buat Tuan Haji Mazlan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Persaraan bukanlah penamat segala-galanya. Sebaliknya ia merupakan satu permulaan kepada kehidupan yang lebih bermakna, dalam suasana yang baharu. Tentunya Tuan Haji telah pun membuat persediaan untuk menghadapi alam persaraan beliau.

Tumpuan masa yang lebih banyak dapat diluangkan bersama keluarga beriadah, mahupun menjalani aktiviti-aktiviti yang diminati.

8. Saya mewakili warga UiTM mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Tuan Hj. Mazlan atas segala bantuan dan kerja sama yang diberikan dalam menyemarakkan pelan tindakan Universiti dalam mencapai setiap misi dan visi yang ditetapkan.

9. Kami semua mendoakan agar Tuan Haji Mazlan dikurniakan kesihatan yang baik, terus diberkati serta mendapat rahmat dan redha Allah SWT di samping keluarga tercinta. Saya juga memohon kemaafan sekiranya terdapat sebarang kesalahan atau terguris hati sepanjang kita berinteraksi atau berkerjasama.

10. Sekali lagi kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Haji atas perkhidmatan cemerlang yang telah disumbangkan kepada Universiti ini. Selamat maju jaya dalam apa sahaja bidang yang diceburi dan

selamat bersara. Semoga Ukhwah yang telah terjalin kekal bertaut sehingga akhir nanti.

Akhir kata, terimalah dua rangkap pantun khas buat Tuan Haji Mazlan.

Berwarna warni sekitar taman
Harum baunya di waktu pagi
Dengan adanya Tuan Haji Mazlan
Tenang dan lega terjaminnya **Gaji**

Molek peribadi dan juga pekerti,
Kekal terpahat menjadi memori;
Selamat Bersara Tuan Bendahari,
Ada rezeki, kita berjumpa lagi.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.